

11 SEP 1998

Komanwel-pembukaan

SUKAN KOMANWEL DIBUKA DENGAN UPACARA PENUH WARNA WARNI

Oleh: Tham Choy Lin

KUALA LUMPUR, 11 Sept (Bernama) -- Dengan diserikan percikan bunga api dan sinaran laser, Sukan Komanwel ke-16 bermula di Malaysia dalam satu upacara perasmian penuh gemilang yang menyerlahkan kepelbagaian kaum dan budaya masyarakat majmuk negara ini.

Dalam membawa Sukan Komanwel ke benua Asia buat pertama kalinya, dan dengan mengetepikan buat ketika kemuraman krisis ekonomi, Malaysia mengucapkan "Selamat Datang" kepada 5,000 atlit dari 70 negara ke sini dengan sambutan penuh kemesraan mengikut tradisi Melayu yang diperturunkan sejak dari zaman kesultanan Melaka lagi.

Semasa upacara tradisional itu berlangsung, suasana dalam stadium diserikan dengan kilauan dulang-dulang berisi "bunga emas" yang dibawa oleh barisan gadis dalam upacara "sirih junjung" yang mengiringi satu persembahan silat beramai-ramai.

Dengan tiga paluan gong oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, tirai temasya sukan yang terakhir pada abad ini dibuka dengan rasminya. Sukan Komanwel selepas ini akan dilangsungkan di Manchester pada 2002.

Tembakan meriam 16 das bergema di seluruh stadium sebaik sahaja Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan Sukan Komanwel Ke-16 dibuka dengan rasminya.

Turut menyaksikan upacara itu dari tempat duduk diraja ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah dan Presiden Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) Putera Edward yang mewakili bondanya, Ratu Elizabeth.

Queen Elizabeth akan menutup temasya sukan berkenaan pada 21 Sept.

Antara orang kenamaan yang hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, pengerusi CGF Michael Fennell dari Jamaica, Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa Juan Antonio Samaranch dan menteri-menteri kabinet.

Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei dan Perdana Menteri Fiji Jeneral Sitiveni Rabuka.

Tepukan gemuruh penonton menyambut ketibaan Seri Paduka Baginda berdua dan Dr Mahathir ke dalam stadium. Putera Edward dan Fennell dibawa ke tempat duduk orang kenamaan dengan menaiki kereta buatan Malaysia, Proton Perdana.

Sebelum upacara sebenar bermula, penonton dihiburkan oleh persembahan selama tiga jam oleh barisan artis-artis popular tempatan yang diketuai oleh Siti Nurhaliza dan pertunjukan payung terjun oleh 16 penerjun yang mengawal payung terjun masing-masing dengan cekap untuk melepasi bahagian bumbung terbuka stadium dan mendarat di padang dengan selamat.

Penerjun terakhir yang mendarat berpakaian sebagai Wira, orang utan yang menjadi maskot Sukan Komanwel kali ini.

Majlis perbarisan lintas langsung atlit diketuai oleh kontinjen Kanada, tuan rumah sebelum ini dan diikuti oleh kontinjen-kontinen lain mengikut abjad dengan diakhiri oleh kontinjen Malaysia.

Seperti lazimnya, acara perbarisan lintas langsung berjalan dengan meriah dengan kebanyakan kontinjen memakai pakaian tradisional masing-masing.

Kontinjen Kanada menawan penonton dengan melontar frisbee manakala peserta dari Samoa melakukan tarian menyambut tetamu.

Afrika Selatan pula memakai pakaian yang membentuk bendera negaranya. Scotland pula muncul dengan pakaian rasmi sambil memainkan bag pipe.

Sri Lanka, Pakistan, India dan Bangladesh yang mempunyai ramai pekerja

di negara ini diberi sambutan meriah.

Tetapi sorakan paling gemuruh sudah tentunya ditujukan kepada kontinjen tuan rumah, yang berjalan megah berpakaian baju kebaya dan baju Melayu, didahului ketua kontinjen Datuk Khalid Yunus.

Teriakan "Malaysia Boleh" menyambut kemunculan mereka.

Sebaik sahaja atlit selesai mengambil tempat masing-masing, semua lampu di stadium itu dipadamkan. Suasana hening itu dipecahkan oleh bunyi-bunyian dari hutan hujan Malaysia dan kemudiannya 2,000 pelajar sekolah yang berpakaian sebagai burung, kumbang dan bunga-bunga memersempahkan satu tarian yang menggambarkan keindahan alam semula jadi Malaysia.

Dua atlit yang pernah memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel, pemain badminton Razif Sidek dan Sylvia Ng, menjadi pelari terakhir yang membawa Baton Ratu dan dalam suasana yang penuh penghormatan, menyerahkannya kepada Koh Eng Tong, 79, rakyat Malaysia yang pertama memenangi pingat emas Sukan Komanwel, yang kemudiannya menyampaikan baton berkenaan kepada Fennell.

Koh memenangi pingat emas acara angkat berat kategori featherweight di Auckland pada 1950.

Fennell kemudiannya menyerahkan baton yang mengandungi perutusan daripada Ratu Elizabeth itu kepada Putera Edward yang membacakan mesej berkenaan.

Tiga lagi atlit yang pernah mengharumkan nama Malaysia turut menerima penghormatan pada majlis itu. Pelumba basikal Daud Ibrahim, pelari wanita M.Rajamani dan pemain badminton Yew Cheng Hoe mengiringi bendera Komanwel yang dinaikkan dengan diiringi oleh lagu tema Sukan Komanwel "Forever As One" yang ditulis oleh komposer tempatan, Goh Boon Hoe.

Dalam perutusannya, Ratu Elizabeth menghargai sokongan penuh kerajaan Malaysia dalam penganjuran sukan itu dan ini harus dihargai oleh semua masyarakat Komanwel.

Baginda dan suaminya Putera Philip dijangka menghadiri hari-hari terakhir dan penutupan sukan di sini.

Pemain boling sensasi negara, Shalin Zulkifli yang menjadi pilihan untuk memenangi pingat emas pada Sukan Komanwel kali ini, membaca ikrar bagi pihak atlit dengan dikelilingi oleh bendera-bendera negara peserta yang membentuk separuh bulatan.

Upacara pembukaan itu diakhiri dengan satu persembahan muzikal selama 40 minit yang bertemakan "Perpaduan Ke Arah Kemajuan" yang memaparkan kehidupan kampung pada zaman sebelum perang dunia, kesengsaraan di zaman penjajahan, perjuangan kemerdekaan dan pencapaian negara hari ini.

Drama itu tamat dengan petikan satu ucapan Dr Mahathir berbunyi : "Perjuangan belum selesai...hanya yang cekal dan tabah membina bangsanya dengan jaya."

Sejumlah 213 pingat emas akan menjadi rebutan dalam tempoh 10 hari selepas ini menerusi 16 sukan, yang terbanyak dalam sejarah Sukan Komanwel, termasuk ragbi, kriket, bola jaring dan hoki yang dimasukkan buat pertama kali.

Australia dijangka memenangi sebahagian besar daripada pingat yang dipertandingkan untuk kali ketiga berurut-turut. Mereka muncul sebagai juara keseluruhan dengan 52 pingat emas di Auckland pada 1990 dan 87 di Victoria pada 1994.

-- BERNAMA

TCL MAI